

PENYAKIT ANJING GILA

**'Di seluruh dunia
kematian
manusia
disebabkan
rabies melebihi
55,000 orang'**

Metro Ahad
27/9/2015
mls 18

Health Diseases



Kes jangkitan anjing gila atau rabies yang dilaporkan di utara Semenanjung iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sejak minggu lalu mencetus panik masyarakat khususnya di ketiga-tiga negeri berkenaan. Masyarakat bimbang dan tertanya-tanya situasi sebenar penyakit itu sama ada menjadi wabak atau sebaliknya.



Selain itu, tindakan agresif kerajaan negeri bersama agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menghapuskan anjing liar turut menerima kritikan pelbagai pihak. Ada pihak seperti pertubuhan pencinta haiwan menyifatkan tindakan itu satu penganiayaan. Wartawan Eksekutif Meor Riduwan Meor Ahmad mendapatkan pandangan Pemangku Ketua Pengarah JPV Dr Kamarudin Md Isa.

Wabak penyakit anjing gila atau rabies di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menimbulkan kekusaran awam. Boleh Dr jelaskan secara ringkas sejarah penyakit ini di Malaysia?

Kes pertama rabies di negara kita dikesan pada 1925 di Kedah. Lanjutan itu kes rabies biasa dilaporkan di negeri utara Semenanjung dengan kes mencapai 112 kes setahun. Ini disebabkan ia penyakit biasa di Thailand dan anjing dari sana sering keluar masuk di negeri bersempadanan dengan negara itu.

Bagi membendungnya kawasan dikenali sebagai 'immune belt' diwujudkan pada 1955 meliputi kawasan 50 hingga 80 kilometer dari sempadan Perlis, Kedah, utara Perak dan Kelantan. Anjing di kawasan ini diwajibkan disuntik pelalian anti-rabies. Pada 1995 Program Pembasmian Penyakit Rabies dilancarkan dan pemvaksinasi anti-rabies digiatkan di kawasan 'immune-belt' manakala populasi anjing liar dikawal dengan berkesan. Di negeri lain di Semenanjung pula program pengawasan aktif dilaksanakan dan berjaya menurunkan kes rabies daripada 16 kepada 10

dan 1 kes pada 1997, 1998 dan 1999.

Bila kali terakhir kes jangkitan anjing gila direkodkan di Malaysia?

Kes terakhir rabies di negara ini adalah pada 1999 dan diklasifikasikan kes 'eksotik' iaitu dikesan daripada anjing yang dibawa oleh pelarian di Terengganu. Dari 2000 hingga 2012 penyakit rabies tidak ada lagi dikesan di Malaysia. Berikutan itu JPV menghantar laporan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) menyatakan status penyakit dan tindakan pembasmian yang dijalankan, sekali gus pada 2013 Malaysia diisytihar bebas penyakit ini.

Bagaimana penyakit anjing gila merebak dan adakah ia sama seperti penyakit lembu gila?

Penyakit ini merebak menerusi air liur anjing yang terjangkit dan virus di dalamnya menjangkiti haiwan lain termasuk manusia menerusi gigitan atau luka yang terbuka. Ia juga boleh berjangkit menerusi mulut, rongga hidung dan selaput mata, tetapi jarang dilaporkan. Cara rebakan penyakit rabies berbeza dengan penyakit lembu gila (Mad Cow Disease).

Penyakit lembu gila yang dikenali sebagai Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE) mula dikesan di England pada 1986, tersebar menerusi bahan makanan ternakan yang menggunakan bahan dedak dihasilkan daripada tulang dan daging ternakan berpenyakit. Prion di dalam bahan makanan itu akan menjangkiti lembu lain bila ia memakan makanan berkenaan.

Adakah penyakit ini berbahaya kepada manusia dan jika ya, apakah kesannya?

Penyakit rabies adalah penyakit zoonotik yang boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia. Seperti pada haiwan, manusia boleh dijangkiti menerusi air liur haiwan yang dijangkiti melalui gigitan.

Bergantung kepada tempat gigitan dan kandungan virus pada luka gigitan dan jika tiada rawatan diberikan, manusia juga boleh maut jika dijangkiti.

Apakah cara digunakan untuk menangani penularan penyakit anjing gila di negara ini?


Beberapa strategi dilaksanakan bagi membendung penyakit di tiga negeri ini



supaya tidak menular ke lain-lain negeri antaranya:

Eliminasi virus - virus rabies memasuki negara kita melalui anjing terjangkit. Anjing ini akan menunjukkan tanda gangguan sistem

saraf termasuk menggigit haiwan lain dan juga manusia. Jabatan akan menangkap semua anjing yang didapati menggigit haiwan lain dan juga manusia sekali gus menghapuskan virus itu.



Meningkatkan tahap imuniti anjing di kawasan 'immune-belt' – anjing di kawasan ini sepatutnya diberikan suntikan anti-rabies setiap tahun. Bagaimanapun hal ini tidak berlaku dan pemvaksin anjing bertuan akan dipertingkatkan lagi.

Mengurangkan 'sentuhan' antara anjing – penduduk di sekitar tiga negeri berkenaan dinasihat memastikan anjing mereka berada di kawasan rumah dan bertali bila dibawa keluar rumah bagi mengelak sentuhan dengan anjing lain.

Selain itu, larangan pemindahan anjing ke lain-lain negeri di semenanjung dan kawalan klinikal kes gigitan anjing dengan pengambilan sampel anjing di negeri lain bagi mengesan jika adanya penularan juga dibuat bagi tujuan sama.

Baru-baru ini Dr mengumumkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar menempah 50,000 vaksin dari Perancis. Timbul persoalan adakah negara kekurangan bekalan vaksin ini?

Pemvaksin dijalankan hanya di negeri utara Semenanjung membabitkan anjing bertuan selaras strategi pembasmian penyakit rabies kebangsaan. Walaupun vaksin di negeri lain diambil dan dibekalkan ke utara Semenanjung ia terhad kerana sebahagian vaksin digunakan untuk pemvaksin anjing tidak bertuan di Perlis dan Kedah. Kekurangan berlaku di Pulau Pinang kerana permintaan tinggi dan ia biasa berlaku di negara lain. JPV sudah menghubungi OIE yang menyediakan 'Regional Rabies Vaccine Bank' untuk mendapatkan 50,000 dos vaksin dan dijangka sampai pada 8 Oktober depan. Jabatan juga memesan vaksin lebih awal menerusi pembekal tempatan sebanyak 1,700 dos dan akan dibekalkan pada 30 September ini.



Eliminasi 'host' haiwan yang berkemungkinan membawa virus rabies - haiwan yang berkeliaran berisiko tinggi dijangkiti dan menjadi pembawa penyakit, justeru, ia perlu dikenal pasti dan dilupuskan.

Apakah status terkini jangkitan ini?

Berdasarkan laporan terkini kelmarin bilangan kes positif di Pulau Pinang kekal empat kes.

Ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk persatuan pencinta haiwan memersoal penangkapan dan pembunuhan anjing liar dengan cara dibakar atau ditanam. Apa penjelasan DR mengenai isu ini?

Di Pulau Pinang sememangnya beberapa NGO tampil melahirkan rasa tidak puas hati dengan langkah dilakukan JPV dan mencadangkan penggunaan strategi 'mass vaccination' serta pemberian 'umpan-bervaksin' kepada anjing di kawasan luas. Suka saya nyatakan 'Mass-vaccination' adalah langkah kawalan di negara 'endemic rabies' (penyakit sentiasa ada) dan kes kematian manusia dilaporkan.

Di seluruh dunia dilaporkan kes kematian manusia disebabkan rabies melebihi 55,000 orang setahun manakala di negara jiran kita melebihi 100 orang setahun.

Penggunaan 'umpan-bervaksin' ini dilakukan di Amerika bagi mengawal haiwan liar seperti racoon dikenal pasti sebagai pembawa virus rabies.

Cadangan ini sedap didengar tetapi mereka gagal memahami konteks Malaysia yang mempunyai status penyakit rabies jauh lebih baik.

**Berdasarkan
laporan terkini
kelmarin
bilangan
kes positif
di Pulau Pinang
kekal empat kes**